

Nama:.....

Tingkatan : .....

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN DESA TEBRAU  
JALAN HARMONIUM 22, TAMAN DESA TEBRAU,81100 JOHOR BAHRU**

**UJIAN BULAN MAC 2011  
TINGKATAN LIMA  
PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN  
(1 JAM)**

---

Kertas soalan ini terdiri daripada 5 halaman bercetak

**Arahan:** Kertas ini mengandungi 3 bahagian iaitu:

- Bahagian A** : Soalan Objektif (30 Markah)  
**Bahagian B** : Soalan Betul Salah (10 Markah)  
**Bahagian C** : Soalan Subjektif (10 Markah)

**JAWAB SEMUA SOALAN.**

---

**Bahagian A:** Soalan Objektif – 30 Markah

**Arahan:** Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C,** dan **D.** Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Bimbingan orang mahir dalam sesuatu bidang seperti bidang muzik dan sukan merupakan contoh pendidikan
  - A Secara formal.
  - B Secara tidak formal.
  - C Jarak jauh.
  - D Berterusan.
- 2 Pendidikan sepanjang hayat amat penting dalam pembinaan
  - A Kesejahteraan negara.
  - B Pembangunan negara.
  - C Modal insan yang berkualiti.
  - D Jati diri.
- 3 Kemahiran ini perlu dikuasai agar kita dapat memahami dan mengingati pelajaran dengan lebih efektif.
  - A Kemahiran membaca.
  - B Kemahiran berfikir.
  - C Kemahiran ICT.
  - D Kemahiran pengurusan masa.
- 4 Universiti Putra Malaysia menawarkan program pendidikan sepanjang hayat melalui
  - A Pusat Pendidikan Jarak Jauh.
  - B Pusat Pendidikan Luar.
  - C Institut Perkembangan Pendidikan.
  - D Pusat Pendidikan Berterusan.
- 5 Encik Dayalan telah membahagikan masanya untuk bekerja, bersama keluarga dan berehat. Tindakan yang dilakukan oleh beliau jelas menunjukkan bahawa beliau mahir dalam
  - A Memahami situasi keluarganya.
  - B Menjaga hati keluarga.
  - C Mengurus masa.
  - D Menilai.
- 6 Kanak-kanak seharusnya didedahkan dengan pelbagai \_\_\_\_\_ sejak dari kecil.
  - A Situasi
  - B Kemahiran
  - C Pembelajaran
  - D Keadaan
- 7 Apakah kelebihan orang yang pandai menguruskan masa?
  - A Semasa memperoleh kejayaan dalam hidupnya.
  - B Dapat melakukan banyak perkara daripada orang lain.
  - C Dapat menjalankan aktiviti

kehidupannya dengan tenang dan terkawal.

- D** Tidak memerlukan bantuan orang lain dalam melakukan sesuatu perkara.

**8** Kita perlu berfikir dan bertindak secara rasional terhadap sesuatu perkara. Sekiranya seorang murid menghadapi masalah, tindakan rasional yang manakah perlu dilakukan?

- A** Pendam dalam hati.
- B** Cari jalan penyelesaian sendiri.
- C** Berbincang dengan guru dan ibu bapa
- D** Cuba sedaya upaya melupakan masalah tersebut.

**9** Apakah kaitan antara pendidikan sepanjang hayat dengan pembangunan negara?

- A** Amalan pembelajaran sepanjang hayat membantu membangunkan sesebuah negara.
- B** Negara yang maju memerlukan rakyat yang berkemampuan untuk belajar dan berpendidikan tinggi.
- C** Negara akan lebih maju dengan adanya pelbagai sumbangan idea dan kemahiran baru oleh masyarakat yang berilmu.
- D** Pembangunan negara akan menjadi lebih pesat apabila ramai individu meneruskan pengajian dalam sesuatu bidang.

**10** Mengapakah pendidikan sepanjang hayat dikatakan dapat membentuk individu yang cemerlang?

- A** Memupuk kesejahteraan hidup dan meningkatkan kuasa individu.
- B** Mendidik diri kita sepanjang masa dan menjadikan kita sebagai individu yang berpengaruh serta dikenali dalam masyarakat.
- C** Pendidikan yang berterusan menjamin kekayaan pada masa hadapan dan menjadikan kita sebagai individu yang serba boleh.

- D** Individu yang sentiasa berusaha mencari ilmu dapat melengkapkan diri dengan kemahiran baru dan pengetahuan terkini serta membentuk keperibadian yang baik.

**11** Mengapakah memilih bidang yang sesuai dan diminati sebagai bidang kerjaya adalah penting bagi setiap individu?

- A** Dapat terus mengasah bakat dalam bidang tersebut.
- B** Dapat memberi komitmen yang tinggi dan sumbangan yang besar untuk pembangunan negara.
- C** Tidak ada orang lain yang dapat menandingi kehebatannya dalam bidang tersebut.
- D** Dapat mencapai kepuasan diri sendiri dalam melaksanakan kerjaya tersebut.

**12** Antara berikut, perkara yang manakah harus dihindarkan dalam melengkapkan diri kita dengan ilmu pengetahuan?

- A** Berusaha dengan lebih gigih lagi.
- B** Sabar dan tabah dalam menghadapi cabaran.
- C** Bertenang dan berdoa untuk berjaya dalam kehidupan.
- D** Berputus asa apabila tidak dapat melaksanakan sesuatu perkara.

**13** Apakah yang dimaksudkan dengan pembelajaran sendiri?

- A** Kemampuan untuk menguasai bidang yang diceburi.
- B** Kebolehan membuat kesimpulan sendiri terhadap sesuatu isu dan permasalahan.
- C** Kebolehan untuk meneruskan pembelajaran walaupun terdapat pelbagai halangan.
- D** Keinginan diri untuk mengembangkan minda ingin tahu dan dahaga akan ilmu

**14** Apakah yang dimaksudkan dengan masyarakat?

- A Kumpulan yang dapat bertindak dengan sendiri.  
 B Sekumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat.  
 C Golongan yang mampu mentafsir ilmu.  
 D Norma masyarakat.
- 15 Kebolehan memahami perasaan orang lain atau berkongsi perasaan tersebut bermaksud  
 A Menghargai nyawa.  
 B Empati.  
 C Jati diri.  
 D Cinta akan keamanan.
- 16 \_\_\_\_\_ bermaksud tindakan berasaskan kepada pemikiran yang rasional.  
 A Empati  
 B Perikemanusiaan  
 C Kemanusiaan  
 D Norma masyarakat
- 17 Nilai cinta akan negara bermaksud  
 A Perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan negara melebihi kepentingan diri.  
 B Kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan kepada raja dan negara.  
 C Kerelaan melakukan atau menyerahkan sesuatu termasuk nyawa sebagai tanda kebaktian untuk negara.  
 D Hidup terbaik-baik antara satu sama lain dengan mengutamakan kedamaian dan keharmonian.
- 18 Sambutan bersama golongan yang kurang bernasib baik dapat memupuk \_\_\_\_\_ yang harus dimiliki oleh manusia yang berperikemanusiaan.  
 A Norma  
 B Nilai-nilai murni  
 C Simpati  
 D Empati
- 19 Perubahan iklim secara mendadak dan pencairan ais di kutub utara merupakan antara isu kemanusiaan yang berkaitan dengan  
 A Alam sekitar.  
 B Politik.  
 C Jenayah.  
 D Jangkitan penyakit.
- 20 Institut \_\_\_\_\_ adalah asas pembentukan masyarakat harmoni.  
 A Pendidikan  
 B Kekeluargaan  
 C Swasta  
 D Kerajaan
- 21 Antara berikut, yang manakah merupakan golongan ahli masyarakat yang harus sentiasa kita bantu?  
 A Berpendapatan rendah.  
 B Mempunyai penyakit yang agak serius.  
 C Kurang berupaya dan tidak bernasib baik.  
 D Ramai bilangan ahli keluarganya.
- 22 Aktiviti yang dilakukan oleh kumpulan remaja di atas menunjukkan mereka  
 A Tidak menyayangi nyawa.  
 B Melakukan kegiatan yang positif.  
 C Cekap mengendalikan motosikal.  
 D Adalah kumpulan remaja yang membuat keputusan bijak.
- 23 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan individu yang menghargai nyawa?  
 A Eddy sentiasa bertolak ansur antara satu sama lain.  
 B Anson selalu membiarkan orang lain menindasnya tanpa melakukan apa-apa.  
 C Jamaluddin cepat marah dan tegas jika berlaku perbezaan pendapat dengan rakannya.  
 D Ismail selalu menunjukkan perasaan untuk mendapatkan keadilan.
- 24 Antara berikut, yang manakah boleh mengancam nyawa manusia?

- A** Keruntuhan akhlak dan moral ahli masyarakat.
  - B** Kemerosotan ekonomi dan kejatuhan nilai mata wang.
  - C** Pertambahan kemasukan warga asing ke dalam negara.
  - D** Penyakit-penyakit kritikal seperti Aids dan Selsema Burung.
- 25** Bagaimanakah cara untuk menjaga maruah negara?
- A** Meninggikan diri agar dihormati dan disegani oleh orang lain.
  - B** Sentiasa cuba untuk menyumbang sesuatu untuk pembangunan negara.
  - C** Membangkang pembaharuan yang dilakukan untuk negara.
  - D** Menjaga diri dan tidak bergaul dengan kaum lain.
- 26** Sebagai seorang remaja, apakah perkara yang dapat dilakukan untuk memelihara maruah dan nama negara?
- A** Elakkan diri daripada terlibat dengan gejala sosial seperti penggunaan dadah.
  - B** Bekerja sambil selepas waktu persekolahan untuk menambahkan pendapatan.
  - C** Menyebarkan maklumat penting negara melalui internet kepada rakan di luar negara.
  - D** Belajar bersungguh-sungguh untuk menyambung pengajian di luar negara dan menyertai gerakan anti kerajaan.
- 27** Ibu bapa yang cemerlang dapat melahirkan anak-anak yang
- A** Stabil.
  - B** Cemerlang.
  - C** Ego.
  - D** Sensitive.
- 28** Apakah perkara-perkara yang harus diberi perhatian oleh ibu bapa dalam mendidik dan mengasuh anak-anak?
- A** Pilih kasih terhadap anak-anak.
  - B** Memahami keperluan dan kehendak anak-anak.
  - C** Mengongkong kebebasan anak-anak.
  - D** Bersikap autokratik dalam mendidik anak-anak.
- 29** Apakah akta yang berkaitan dengan upacara perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara atau Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara?
- A** Akta Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1966.
  - B** Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.
  - C** Akta Perkahwinan dan Perceraian 1986.
  - D** Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1996.
- 30** Restu ibu bapa perlu diperoleh sebelum dilangsungkan perkahwinan supaya
- A** Wujudnya persefahaman antara golongan ibu bapa dengan bakal menantu.
  - B** Pasangan boleh meminta bantuan daripada mereka sekiranya dalam keadaan terdesak.
  - C** Ibu bapa tahu siapa yang patut dipersalahkan jika berlaku perkara yang tidak diingini.
  - D** Anak dan bakal menantu dapat hidup dalam keadaan bahagia.

**Bahagian B:** Soalan Betul Salah- 10 markah.

**Arahan:** Tandakan (√) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah tentang sikap yang perlu diamalkan dalam konsep pembelajaran sepanjang hayat.

a) Tidak mudah mengaku kalah dan berputus asa	
b) Mementingkan pendidikan formal berbentuk akademik sahaja sebagai jaminan untuk Berjaya dalam kehidupan	
c) Menggunakan ICT sebagai rujukan dan untuk menyebarkan maklumat terkini	
d) Berkongsi pemikiran dan pendapat untuk tujuan memajukan Negara	
e) Mengumpul harta yang banyak untuk memastikan kecemerlangan diri.	
f) Berusaha memperbaiki kelemahan diri demi mencapai kejayaan dalam kehidupan.	
g) Membahagikan masa dengan melakukan perkara-perkara yang berfaedah.	
h) Membuat keputusan yang terburu-buru tanpa berfikir panjang	
i) Daya saing kearah masyarakat minda kelas pertama.	
j) Sentiasa mengharapkan pertolongan dan bantuan daripada rakan yang lain	

**Bahagian C:** Soalan Subjektif- 10 markah

**Arahan :** Jawab semua soalan

1 Apakah kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk mengikuti pendidikan sepanjang hayat?

---

---

---

---

---

---

---

---

( 5 markah)

2 Bagaimanakan cara membina sebuah keluarga yang bahagia?

---

---

---

---

---

( 5 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan Oleh:  
Norazila Binti Che Ab Rahman

Disemak Oleh:  
Puan Nor Akhmam Bt Mohd Razali